



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (13)  
Tarikh : 17 Mei 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y, Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.5 TAHUN 2022**

- i. PEMURNIAN DATA PENJAWAT AWAM DALAM PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) – AFFIN BANK & HONG LEONG BANK; DAN
- ii. PENGEMASKINIAN MAKLUMAT BANK KEY (SWIFT CODE) BAGI ISLAMIK AKAUN BANK

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam usaha mengukuhkan integriti proses pembayaran Kerajaan melalui Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 telah dikeluarkan bagi memberi penjelasan kepada Kementerian/Jabatan, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pejabat Perakaunan (AO), Bank, Penerima Bayaran, dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Semakan Tambahan bagi pembayaran Kerajaan.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua PTJ untuk menyemak ketepatan data seperti di **Lampiran** dan membuat pengemaskinian sekiranya perlu di **PA 30**. Tindakan **SEGERA** oleh PTJ adalah seperti berikut:

- i. Nama pegawai yang dikunci masuk di dalam sistem HCM dan di penyata / buku Bank adalah sama;
- ii. No Akaun bank hendaklah dikemaskini mengikut bilangan digit yang terkini (**Jadual I**) dan bank key (Swift Code);
- iii. No kad pengenalan 12 digit;

- iv. Pastikan maklumat akaun bank di **Sistem HCM dan iGFMAS adalah sama**. Jika tidak, PTJ perlu mengemaskini maklumat di data induk iGFMAS **selewatnya-lewatnya pada 16 Jun 2022 (Khamis)**. Sila rujuk Borang eVendor yang dilampirkan;
- v. **Memastikan maklumat pembekal yang dikemaskini telah disahkan oleh JANM Kedah** di dalam sistem iGFMAS **SEBELUM membuat Arahan Pembayaran** kepada pegawai; dan
- vi. Menyediakan 1 sahaja SG20 (sekiranya perlu) dengan melampirkan senarai nama sebagai dokumen sokongan.

4. Selain itu, PTJ juga diminta untuk membuat pengemaskinian maklumat **Bank Key (Swift Code) bagi Islamik Akaun Bank di Sistem iGFMAS HCM** bagi pegawai yang menggunakan akaun tersebut sebagai medium bayaran kerajaan berdasarkan dokumen sokongan daripada pegawai. Tindakan pengemaskinian **menggunakan kod transaksi PA 30 sebelum 16 Jun 2022 (Khamis)**. Tindakan di para 3 (iv) dan (v) adalah berkaitan.

5. Kegagalan pihak PTJ untuk mematuhi perkara di para 3 akan menyebabkan **Arahan Pembayaran dikuiiri atau pembayaran ditolak. PTJ hendaklah menyemak Laporan Terperinci EFT dibatalkan pada setiap hari** dan membuat penggantian segera sepertimana SPANM Bil.7 Tahun 2018.

6. Kerjasama dan komitmen semua Jabatan dan PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN** C.A.(M)  
Ketua Seksyen Operasi  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Kedah Darul Aman